

27/10/2000

Ezam khianati negara sendiri

Zorro 2000

DI mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung. Tetapi lain pula halnya dengan individu tertentu yang kononnya memperjuangkan keadilan dan mengembalikan hak rakyat mengikut acuan mereka sendiri.

Saya berasa terpanggil untuk meluahkan pendapat dalam ruangan ini selepas terbaca laporan akhbar mengenai pengakuan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohd Ezam Mohd Noor, dalam ceramahnya di Alor Star, Isnin lalu.

Daripada pertuturannya yang berbaur penuh keangkuhan itu, cukup untuk saya menyelami hati budi seorang pemimpin muda yang diagung-agungkan oleh penyokongnya.

Sebagaimana rabunnya pemimpin muda bernama Ezam ini, lebih butalah mereka yang terpengaruh dengan pidato berapi-apinya.

Ezam nampaknya mendabik dada dengan gerakan yang disertainya untuk memburuk-burukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Amerika Syarikat dan Eropah baru-baru ini.

Kononnya kegagalan misi perdagangan yang diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, ke Amerika adalah angkara keberkesanan dakyah yang dijalkannya.

Kalaupun benar pelabur asing dari Amerika dan Eropah berjaya dihindarkan daripada membuat pelaburan di Malaysia, saya tidak nampak bagaimana ia boleh menguntungkan Ezam dan rakan-rakannya.

Mereka ini kononnya mahu menjahanamkan ekonomi negara. Kononnya, pada pandangan mereka, jika itu berlaku, kepemimpinan Dr Mahathir akan terpaksa tunduk kepada kehendak dan tuntutan mereka.

Saya menganggapnya sebagai ilusi Ezam dan rakan-rakan semata-mata yang terbukti cetek pengetahuan di samping hanya memperbodoh diri sendiri.

Soalan saya, mengapa kelompok masyarakat yang cuba dipengaruhi harus percaya kepada Ezam - seorang yang gagal untuk menawan kawasan Shah Alam sekalipun berbanding lautan masyarakat antarabangsa?

Pelabur-pelabur asing ini mungkin tidak pun berupaya menyebut nama Ezam dengan sebutan yang betul, inikan pula untuk menurut segala kehendaknya.

Selain itu, Amerika dan Eropah selama ini mengiktiraf Malaysia sebagai rakan dagang yang penting.

Tidak mungkin hanya kerana seorang 'political nobody' seperti Ezam, akan ada pelabur yang sanggup mengorbankan keuntungan hasil dagangan dengan Malaysia sedangkan Ezam sendiri tidak berupaya memberikan mereka apa-apa kecuali modal air liurnya.

Ezam sendiri wajar merujuk kepada keadaan ketika kegawatan ekonomi kira-kira dua setengah tahun lalu. Ketika Indonesia, Thailand dan Korea Selatan terpaksa mengadu nasib kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Malaysia tetap berupaya bertahan dengan mengusahakan langkah pemulihannya sendiri.

Soalan saya, adakah Ezam memikirkan pelabur asing yang kononnya dapat dipengaruhinya lebih besar dan berpengaruh daripada IMF?

Sedarlah wahai Ezam, usahlah hendak memburuk-burukkan negara sendiri - negara yang selama ini menjadi tempat berlindung, menerima pendidikan awal dan seterusnya memberi anda ruang untuk bergelar setiausaha politik kepada Timbalan Perdana Menteri pada satu ketika.

Sebaliknya, hasutannya agar suatu bentuk tekanan ekonomi dikenakan ke atas Malaysia, tidak akan menguntungkan sesiapa.

Malah, andainya kegawatan kembali melanda, yang turut menjadi mangsa

termasuk kaum keluarga serta rakan-rakan sendiri yang pastinya tidak akan berterima kasih terhadap tindak-tanduk Ezam.

Saranan saya ialah agar Ezam dapat membezakan kepentingan politik peribadi dengan keutamaan negara.

Sebagai warga negara tanah air tercinta ini, semua lapisan masyarakat - daripada peringkat raja, pemimpin hinggalah kepada rakyat biasa - bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan dan kemakmurannya.

Biarlah kita langsung tidak dikenang atas apa jua sumbangan kita daripada diingati sebagai petualang dan pengkhianat negara.